

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO [KLANG]**

**TARIKH JAWAPAN : 3 NOVEMBER 2014 (ISNIN)  
DI DEWAN RAKYAT**

**SOALAN**

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan kesudian Kementerian untuk "*declassify*" perjanjian antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Selangor mengenai penstrukturan industri air di negeri tersebut.

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Perjanjian Utama mengenai penstrukturan semula industri perkhidmatan bekalan air negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur serta Putrajaya telah ditandatangani oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Selangor, Pengurusan Aset Air Berhad dan Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. pada 12 September 2014. Perjanjian itu termeterai hasil daripada perbincangan, tolak ansur dan kerjasama erat antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri Selangor dalam usaha menyelesaikan kemelut yang melanda industri perkhidmatan bekalan air negeri Selangor demi kepentingan rakyat.
2. Walau bagaimanapun, Perjanjian ini terikat dengan perjanjian jual beli saham antara Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. dengan syarikat-syarikat konsesi air di Selangor yang setakat ini masih belum dimuktamadkan. Sehubungan itu, bagi mengelakkan sebarang implikasi yang boleh menjejaskan rundingan yang sedang berjalan, adalah terlalu awal bagi pihak-pihak kepada

Perjanjian ini untuk mendedahkan kandungan Perjanjian Utama berkenaan. Ini adalah juga untuk memastikan pemeteraian perjanjian jual beli saham itu dapat dilaksanakan dengan lancar sebagaimana yang telah dirancang.

\*\*\*\*\*